



Manuscript Title: Isu Penindasan Rakyat Palestin Dan Reaksi Orang Melayu, 1930-1970

Authors: Abu Hanifah Haris

Accepted Date: 26 August 2022

Please cite this article as: Abu Hanifah Haris. 2023. Isu penindasan rakyat Palestin dan reaksi orang Melayu, 1930-1970. *Kajian Malaysia* (Early view).

This is a provisional PDF file of an article that has undergone enhancements after acceptance, such as the addition of a cover page and metadata, and formatting for readability, but it is not yet the definitive version of record. This version will undergo additional copyediting, typesetting and review before it is published in its final form, but we are providing this version to give early visibility of the article.

ISU PENINDASAN RAKYAT PALESTIN DAN REAKSI ORANG MELAYU, 1930-1970

THE PALESTINIAN OPPRESSION ISSUES AND THE MALAY RESPONSES, 1930-1970

Abu Hanifah Haris

Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, MALAYSIA
E-mail: abuhanifah@um.edu.my

ABSTRACT

Palestine is a holy land that is close to the Muslims. The land is not only the land of the prophets but is also the locus of Masjid al-Aqsa in Palestine, which is the qibla of the Muslims and the location of Israk Mikraj. The end of the First World War (1914–1918) saw Palestine under the administration of the British Mandate in 1922 and the arrival of Jewish immigrants to the land. Since then, Muslims around the world, including the Malays, have continued to support the struggle of Palestinians. This article discusses the reaction of the Malays towards Palestinian oppressions from 1930 until the end of the 1967 Arab-Israeli War and the appointment of Tunku Abdul Rahman as the Secretary-General of the Organization of Islamic Cooperation (OIC) in 1970. A qualitative approach by means of library research methodology was adopted by referring to various primary sources, such as files and documents, and newspapers, in addition to secondary sources, such as books, articles, and theses. The study finds that the Malays have been following the issues of Palestinian oppressions since 1930. The Malays have also persisted to support the Palestinians in a series of Palestinian-Jewish conflicts afterward. In 1970, the Malays' support for the Palestinians' struggle reached its peak when Tunku was appointed as the Secretary-General of the OIC. The Malays' support for the Palestinians' struggle can also be seen in various forms, such as the establishment of a special committee for submitting a protest resolution; the publication of newspapers, magazines, and books to support the Palestinians' struggle; monetary donations; and volunteers' registration to fight Israel.

Keywords: Palestine, Baitul Maqdis, Arab-Israeli War, the Malays

ABSTRAK

Palestin merupakan tanah suci yang cukup dekat dengan umat Islam kerana bukan sahaja merupakan bumi para nabi, tetapi Masjid al-Aqsa di Palestin juga pernah menjadi kiblat umat Islam serta menjadi lokasi peristiwa Israk Mikraj. Sejak berakhirnya Perang Dunia Pertama (1914-1918) yang menyaksikan Palestin diletakkan di bawah pentadbiran British iaitu Mandat British di Palestin pada tahun 1922 dan kedatangan ramai imigran Yahudi ke Palestin, umat Islam di seluruh dunia terus memberikan sokongan terhadap perjuangan rakyat Palestin, termasuklah orang Melayu. Objektif kajian ini ialah mengkaji reaksi orang Melayu terhadap beberapa isu penindasan rakyat Palestin sejak tahun 1930 sehingga berakhirknya Perang Arab-Israel 1967 dan pelantikan Tunku Abdul Rahman sebagai Setiausaha Agung Organisation of Islamic Cooperation (OIC) yang pertama pada tahun 1970. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif, iaitu kaedah kajian perpustakaan dengan meneliti pelbagai sumber primer seperti fail dan dokumen, serta akhbar, selain sumber sekunder seperti buku, artikel dan tesis. Kajian menunjukkan bahawa orang Melayu telah mengikuti dan menyokong isu penindasan rakyat Palestin sejak tahun 1930 lagi. Orang Melayu juga terus konsisten menyokong perjuangan rakyat Palestin dalam beberapa siri konflik Palestin-Yahudi selepas itu. Sokongan orang Melayu terhadap perjuangan rakyat Palestin mencapai kemuncak pada tahun 1970 apabila Tunku dilantik sebagai Setiausaha Agung OIC yang pertama. Sokongan orang Melayu terhadap perjuangan rakyat Palestin juga dapat dilihat dalam pelbagai bentuk seperti penubuhan jawatankuasa khas yang mengemukakan resolusi bantahan, penerbitan akhbar, majalah dan buku yang menyokong perjuangan rakyat Palestin, sumbangan kewangan, serta mendaftar nama sebagai sukarelawan bagi melawan Israel.

Kata kunci: Palestin, Baitul Maqdis, Perang Arab-Israel, Orang Melayu

PENGENALAN

Palestin merupakan sebuah kawasan bersejarah bagi orang Islam, Kristian dan Yahudi. Pada hari ini, Palestin meliputi kota Baitul Maqdis atau *al-Quds* yang menempatkan Masjid al-Aqsa. Baitul Maqdis juga dikenali sebagai Jerusalem oleh orang Kristian dan Yahudi. Kawasan Palestin suatu ketika dahulu pernah dikenali sebagai Kanaan yang merujuk kepada wilayah Syria dan Palestin. Pada hari ini, Kanaan merujuk kepada wilayah Lubnan, Syria, Israel, Jordan dan Palestin (Noll 2011, 18).

Palestin telah dihuni oleh manusia sejak 500,000 tahun dahulu, manakala kawasan Jericho di Palestin pula merupakan bandar pertama di dunia. Kawasan

Palestin asalnya dihuni oleh beberapa bangsa Semitik termasuklah bangsa Arab, Amorite dan Jebusite. Bangsa Arab misalnya telah menubuhkan kerajaan Kanaan. Bangsa Yahudi kemudian menguasai kawasan tersebut sekitar 70 tahun (1,000 – 928 SM) yang menyaksikan tertubuhnya kerajaan Israel di bawah pimpinan Raja David (Nabi Daud) dan Raja Solomon (Nabi Sulaiman). Selepas itu, beberapa kuasa besar menakluki kawasan tersebut silih berganti seperti kerajaan Babylon, Parsi, Macedonia, Rom dan Byzantine (de Haas 1934, 92). Islam tiba di Palestin sekitar tahun 634 ketika era Khalifah Abu Bakar, manakala pembukaan Palestin berlaku ketika pemerintahan Khalifah Umar al-Khattab pada tahun 636 (Gil 1992, 53). Selepas itu, beberapa kerajaan Islam terus menguasai kawasan tersebut seperti kerajaan Umayyah, Abbasiyah, Fatimiyah, Ayyubiyah, Mamluk, dan Turki Uthmaniyyah (Krämer 2008, 15-16). Setelah kekalahan Turki Uthmaniyyah dalam Perang Dunia Pertama (1914-1918), Palestin berada di bawah pentadbiran Mandat British di Palestin (1922-1948). Pada tahun 1948, bangsa Yahudi menubuhkan negara Israel sekali gus menyaksikan sisi kekejaman mereka terhadap rakyat Palestin berterusan selepas itu (Muhammad Muslih 1989, 1).

Wilayah Palestin juga merupakan bumi yang cukup dekat dengan umat Islam kerana bukan sahaja merupakan bumi para nabi, tetapi ketika zaman Nabi Muhammad SAW, Masjid al-Aqsa yang terletak di Baitul Maqdis dalam wilayah Palestin pernah menjadi kiblat umat Islam serta menjadi lokasi peristiwa Israk Mikraj yang berlaku dari sana (Mohd Roslan 2017, 95-96). Sejak itu, Baitul Maqdis mula menjadi destinasi ketiga terpenting dalam Islam selepas Makkah dan Madinah. Bahkan Saidina Umar sendiri telah membina sebuah masjid di sana yang dikenali sebagai Masjid Umar. Malah beberapa khalifah selepasnya telah membina beberapa bangunan di Baitul Maqdis seperti Khalifah al-Makmun (813-833) yang membina *Dome of Rock* berhampiran Masjid al-Aqsa (Lassner 2017, 179). Semua ini menunjukkan keistimewaan Palestin di sisi umat Islam, termasuklah dalam kalangan orang Melayu. Meskipun Palestin terletak jauh dari Tanah Melayu iaitu di rantau Timur Tengah, namun keadaan tersebut tidak sedikitpun mengurangkan perasaan simpati orang Melayu terhadap nasib rakyat Palestin. Bahkan sejak tahun 1930, orang Melayu sudah mempunyai kesedaran untuk menyokong dan membantu saudara seagama mereka di Palestin yang ditindas.

Objektif artikel ini ialah mengkaji reaksi orang Melayu terhadap isu penindasan rakyat Palestin oleh orang Yahudi dan negara Israel. Kajian ini memberi fokus kepada perkembangan yang berlaku di Palestin yang turut meliputi kota Baitul Maqdis. Kajian ini dimulakan pada tahun 1930 yang menyaksikan orang Melayu mula mengambil tahu seterusnya menyokong perjuangan rakyat Palestin. Kajian ini berakhir pada tahun 1970 apabila bekas Perdana Menteri Malaysia, Tunku Abdul Rahman dilantik sebagai *Organisation of Islamic Cooperation* (OIC)

pertama. Hal ini menunjukkan pengiktirafan umat Islam di seluruh dunia terhadap kesungguhan Malaysia dalam memperjuangkan isu penindasan umat Islam, khususnya penindasan rakyat Palestin.

LATAR BELAKANG PENINDASAN RAKYAT PALESTIN SELEPAS PERANG DUNIA PERTAMA

Bibit-bibit awal ke arah penindasan rakyat Palestin bermula ketika Perang Dunia Pertama masih berlangsung apabila Perjanjian Sykes-Picot ditandatangani pada tahun 1916. Perjanjian tersebut merupakan perjanjian sulit antara British, Perancis dan Rusia mewakili *Allied Powers* (Kuasa Bersekutu) berkenaan pembahagian ‘pengaruh’ masing-masing sekiranya mereka berjaya mengalahkan Turki dan *Central Powers* (Kuasa Pusat). Perjanjian tersebut ditandatangani pada 16 Mei 1916 antara wakil British, Sir Mark Sykes dengan wakil Perancis, François Georges-Picot (CAB 23/14/35; LG/F/205/1/1). Perjanjian tersebut menetapkan bahawa British akan menguasai Iraq, Jordan, pelabuhan Haifa, dan Pelabuhan Acre. Perancis pula bakal menguasai selatan Anatolia, Lubnan dan Syria, termasuk Mosul. Manakala Baitul Maqdis yang terletak di Palestin pula diletakkan sebagai berstatus ‘antarabangsa’ kerana dituntut oleh ramai pihak (Goldschmidt Jr. & Davidson 2009, 207-208). Hal ini menunjukkan bahawa Baitul Maqdis ketika itu tidak berada di bawah pengaruh mana-mana pihak.

Nasib Palestin bertambah malang apabila Deklarasi Belfaour 1917 diisyiharkan pada 2 November 1917. Surat daripada Sir Arthur Balfour (1848-1930), Setiausaha Negara Bagi Hubungan Luar British kepada Lord Walter Rothschild (1868-1937), pemimpin bangsa Yahudi di United Kingdom menjelaskan bahawa, “*His Majesty's government view with favour the establishment in Palestine of a national home for the Jewish people*” (George Antonius 1939, 266). Keputusan tersebut jelas merupakan satu pengkhianatan kepada rakyat Palestin yang merupakan peribumi di kawasan tersebut. Surat tersebut juga jelas ‘mengiktiraf’ bahawa tanah tersebut asalnya merupakan tanah Palestin, bahkan rakyat Palestin sudah menetap di sana berabad lamanya bersama-sama penganut Kristian dan Yahudi.

Palestin juga menjadi salah satu kawasan yang terlibat dalam Kebangkitan Arab 1916 yang bermula pada bulan Jun 1916 apabila Sharif Makkah iaitu Sharif Husayn menentang penguasaan tentera Turki Uthmaniyah di Hejaz setelah dijanjikan pemerintahan bangsa Arab jika berjaya mengalahkan kerajaan Turki Uthmaniyah (FO 371/2768/167). Pada bulan Februari 1917, Perdana Menteri British, David George juga telah mengarahkan Pengarah Propaganda, John Buchan agar melancarkan sebuah kempen di bawah slogan ‘*The Turk Must Go*’ bagi menjatuhkan kerajaan Turki Uthmaniyah (FO 395/139/42320). Pada bulan

Disember 1917, Palestin akhirnya dikuasai oleh tentera British pimpinan Jeneral Edmund Allenby selepas tentera Turki Uthmaniyyah dikalahkan oleh tentera British (Cleveland & Bunton 2008, 153.). Akibatnya, Turki Uthmaniyyah terpaksa menandatangani Perjanjian Sevres yang menyaksikan perpecahan empayar tersebut dan kemunculan negara baru di Timur Tengah seperti Palestin, Iraq, Syria, Lubnan dan Jordan.

Status Palestin akhirnya terjawab setelah British dan Perancis menyemak semula kandungan Perjanjian Sykes-Picot pada bulan September 1919, khususnya berkaitan status Baitul Maqdis di Palestin yang ketika itu berstatus antarabangsa. British kemudian mendesak Perancis agar Palestin diserahkan kepadanya, dan sebagai ganti Perancis dapat berkuasa penuh di Syria dan Lubnan. Desakan British sebenarnya berkait rapat juga dengan kandungan Deklarasi Belfaour 1917 yang memberi kebenaran kepada bangsa Yahudi untuk tinggal di tanah Palestin. Pada bulan April 1920, Perancis akhirnya bersetuju agar Palestin diserahkan kepada British (Pappe 2006, 3-4). Hal ini menyaksikan usaha awal yang dibuat bagi penubuhan sebuah negara khusus bagi bangsa Yahudi sebagaimana yang dipersetujui dalam Deklarasi Balfour pada tahun 1917 dapat direalisaskan.

Permulaan kepada penindasan rakyat Palestin bermula secara drastik setelah Palestin berada di bawah pemerintahan Mandat British (1922-1948). Sejak berakhirnya Perang Dunia Pertama, kedatangan bangsa Yahudi semakin bertambah di Palestin sekali gus mengundang kegusaran rakyat Palestin. Akibatnya, muncul perjuangan anti-Yahudi pimpinan seorang ulama kelahiran Syria lulusan Universiti al-Azhar iaitu Izz al-Din al-Qassam (1882-1935). Perjuangan beliau ketika itu bukan sahaja bertujuan untuk menghalau Yahudi dari bumi Palestin dan menentang penindasan mereka, sebaliknya bertujuan menghalau British yang menjajah Palestin. Malah beliau telah meniup semangat jihad dengan slogan '*haza jihad, nasr aw istishhad*' (ini jihad, menang atau syahid). Pada 20 November 1935, al-Qassam akhirnya terbunuh ketika bertempur dengan tentera British. Beliau kemudian diangkat sebagai hero rakyat Palestin, malah digelar sebagai 'komander pertama revolusi Palestin' atas sumbangan dan jasa beliau.

Kematian al-Qassam tidak mematahkan perjuangan rakyat Palestin, sebaliknya telah membangkitkan semangat juang rakyat Palestin sekali gus mencetuskan Revolusi Arab 1936-1939. Kebangkitan tersebut disumbangkan oleh kedatangan 62,000 orang Yahudi ke Palestin. Jumlah tersebut meningkat sekali ganda berbanding *Aliyah*¹ sebelumnya iaitu *Aliyah Ketiga* (1919-1923) yang menyaksikan kedatangan 35,000 Yahudi. Selain itu, sekitar 72,000 ekar tanah Palestin juga telah dibeli oleh orang Yahudi. Manakala 'Insiden Simen' yang tercetus pada pertengahan Oktober 1935 iaitu penemuan sejumlah besar senjata dan bahan leputan yang ditemui bersama-sama simen milik seorang ahli perniagaan Yahudi di Tel Aviv yang dihantar melalui kapal di Pelabuhan Jaffa

Abu Hanifah Haris

juga membangkitkan kemarahan rakyat Palestin (Lachman 2005: 264). Semua faktor ini akhirnya mencetusan Revolusi Arab 1936-1939 di Palestin. Namun begitu, perjuangan rakyat Palestin tidak berhenti di situ dan kembali memuncak selepas Perang Dunia Kedua (1941-1945) berakhir.

Perjuangan rakyat Palestin bagi membebaskan tanah air mereka mula meletus kembali apabila British mengambil keputusan menyerahkan isu Palestin kepada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada tahun 1947. PBB kemudian mencadangkan pemisahan Palestin kepada wilayah Arab Palestin dan Yahudi pada tahun 1947 melalui Resolusi 181 (Pappe 2017, 184). Namun begitu, rakyat Palestin menolak cadangan tersebut, sekali gus menyebabkan tercetusnya Perang Arab-Israel 1948. Peperangan tersebut menyebabkan kemenangan tentera Yahudi dan kekalahan Palestin dan negara Arab lain yang menyokong Palestin seperti Mesir, Jordan, Iraq, Lubnan dan Syria, sekali gus membawa kepada penubuhan negara Israel pada 15 Mei 1948. Sebelum itu, kabinet British dalam mesyuarat pada 5 Februari 1948 juga berusaha bersungguh-sungguh agar penubuhan negara Israel dapat direalisasikan juga pada 15 Mei 1948 apabila membuat keputusan agar tentera British terus berada di Palestin sehingga tarikh tersebut, dan tidak membenarkan kemasukan tentera pengaman PBB lebih awal (CAB 128/12/12). Akibat peristiwa tersebut, separuh daripada 1.4 juta orang Arab Palestin iaitu sekitar 700,000 hingga 760,000 orang telah dihalau dari tanah mereka di Palestin, dan terpaksa menjadi pelarian antara bulan Disember 1947 sehingga awal tahun 1949 (Kramer 2008, 322). Peristiwa tersebut juga menyebabkan ramai rakyat Palestin kehilangan tanah mereka selepas dirampas oleh orang Yahudi, selain ramai pejuang Palestin yang dibunuh dan dipenjarakan.

Perang Arab-Israel 1967 yang tercetus pada 5 hingga 10 Jun 1967 pula berlaku disebabkan beberapa faktor, antaranya isu krisis air di Tasik Tiberia berhampiran sempadan Syria-Israel, dan kepentingan strategik Tebing Barat menyebabkan negara-negara Arab termasuklah Palestin bertindak menyerang Israel (Muhammad Hasrul 2017, 6). Namun begitu, tentera Arab mengalami kekalahan teruk dalam peperangan tersebut mengakibatkan Israel berjaya menguasai Semenanjung Gaza, Tebing Barat dan Tanah Tinggi Golan (*The Islamic Review*, Vol. 55, No. 9, September 1967). Selain itu, jutaan orang Arab juga terpaksa berada di bawah pemerintahan Israel, selain terpaksa menjadi pelarian setelah menerima ancaman daripada pihak berkuasa Israel.

LATAR BELAKANG PEMERGIAN ORANG MELAYU KE PALESTIN SELEPAS PERANG DUNIA PERTAMA

Rekod yang ada menunjukkan bahawa orang Melayu sudah datang ke Palestin sejak awal tahun 1930-an iaitu ketika krisis penindasan rakyat Palestin sedang

berkembang. Menurut akhbar *Semangat Islam*, orang Melayu pertama yang pernah sampai ke Palestin ialah Haji Abu Bakar Ashaari dari Perlis dan sahabatnya Abdul Kahar Muzakkir dari Indonesia yang mewakili persatuan pelajar Melayu di Mesir iaitu *al-Jam'iyyah al-Khairiyah al-Talabiyyah al-Azhariyyah al-Jawah* atau Persatuan Kebajikan Pelajar-Pelajar Jawi al-Azhar (selepas ini disebut *al-Jam'iyyah al-Khairiyah* sahaja). Mereka dilaporkan tiba di Palestin pada tahun 1930 (*Semangat Islam*, Jil. 1, No. 12, 1930). Jadi jelaslah di sini bahawa *al-Jam'iyyah al-Khairiyah* yang mewakili pelajar Melayu di Mesir merupakan pertubuhan sosial pertama dari Tanah Melayu yang memperjuangkan kebajikan rakyat Palestin.

Fail Setiausaha Kerajaan Kelantan pula melaporkan bahawa pada tahun 1934, seorang pelajar Melayu dari Kelantan iaitu Haji Ishak bin Omar telah melawat Palestin (Kel. K. 839/1932). Haji Ishak ketika itu telah menyambung pengajian di Makkah sejak tahun 1928, dan berhasrat untuk memohon pasport bagi membolehkan beliau melawat Palestin seterusnya menyambung pengajian di Mesir. Oleh itu, ayahnya iaitu Omar bin Sulong yang merupakan kerani di Pejabat Tanah Kota Bharu, Kelantan telah memohon bantuan Dato' Megat Lela Diraja untuk mendapatkan pasport bagi membolehkan anaknya melawat Palestin, diikuti Mesir. Lanjutan daripada itu, Penasihat British Kelantan kemudian meminta bantuan Konsul British di Jeddah agar dapat membantu Haji Ishak menguruskan dokumen yang diperlukan untuk memasuki Palestin dan Mesir, khususnya keperluan pasport bagi membolehkannya melanjutkan pelajaran ke Mesir (Kel. K. 839/1932). Berdasarkan dua rekod ini, jelaslah bahawa orang Melayu sudah tiba di bumi Palestin sejak awal tahun 1930-an.

Seorang ulama berasal dari Kedah iaitu Tuan Guru Hanafiah Taib al-Qadhi (1908-1998) atau lebih dikenali sebagai Haji Abu Bakar Palestin juga dilaporkan pernah tiba dan tinggal di Palestin pada tahun 1940-an. Menurut Shukri Ahmad, Haji Abu Bakar Palestin pernah pergi ke Palestin sekitar pertengahan tahun 1940-an iaitu ketika tercetusnya Perang Dunia Kedua, dan tinggal di sana sekitar tiga tahun satu bulan dengan bekerja sebagai tukang masak dalam rejimen polis Palestin, serta pembuat bahan letupan. Sebelum itu, beliau telah berangkat untuk melanjutkan pengajian di Makkah pada tahun 1924 ketika berusia 16 tahun, dan belajar selama 14 tahun di sana, sebelum berpindah ke Palestin untuk meneruskan hidup. Beliau dikatakan pulang ke tanah air sekitar tahun 1950-an (Shukri Ahmad 2001, 103). Namun begitu, dakwaan Shukri Ahmad agak meragukan kerana beliau menjelaskan bahawa Haji Abu Bakar Palestin berada di Palestin ketika Perang Dunia Kedua, (1941-1945), dan berada di sana selama tiga tahun satu bulan. Namun begitu, beliau hanya pulang ke tanah air pada tahun 1950-an. Oleh itu, tempoh beliau berada di Palestin selama tiga tahun satu bulan agak meragukan.

Selain itu, bekas Perdana Menteri Malaysia, Hussein Onn (1922-1990) juga pernah melawat Palestin serta menyertai misi ketenteraan di Palestin ketika Perang Dunia Kedua (1941-1945). Sebelum itu, beliau telah menjalani latihan ketenteraan di Akademi Tentera Dehra Dunn, India seterusnya menyertai pasukan tentera India iaitu *19th Hyderabad Regiment*. Ketika tercetusnya Perang Dunia Kedua, Hussein Onn ketika itu berkhidmat dengan bahagian perisikan berpangkalan di India. Pada tahun 1942, beliau dilaporkan telah menyertai operasi ketenteraan di Mesir, diikuti Syria, Iraq, dan Palestin. Ketika itu, beliau telah dianugerahkan jawatan Kapten sehingga digelar Kapten Hussein (Hambali 1985, 33). Selepas itu, Hussein Onn pulang ke Tanah Melayu pada tahun 1945 dan berkhidmat dalam perkhidmatan awam sebagai polis dan pegawai tadbir. Pada tahun 1949, beliau mengambil keputusan untuk bersara daripada perkhidmatan awam seterusnya menyertai politik dengan menganggotai *United Malay National Organisation* (UMNO).

KEBANGKITAN PALESTIN 1930-AN DAN REAKSI ORANG MELAYU

Perasaan simpati terhadap perjuangan rakyat Mesir juga diterjemahkan melalui kegiatan pelajar Melayu yang melanjutan pengajian di Mesir melalui kegiatan mereka di dalam persatuan pelajar Melayu di sana iaitu *al-Jam'iyyah al-Khairiyah*. Persatuan tersebut ditubuhkan pada tahun 1923 bagi menjaga kebajikan pelajar Melayu di Mesir (*Seruan Azhar*, Jil. 1, Bil. 2, November 1925).² *Semangat Islam*³ merupakan antara akhbar terawal yang melaporkan kisah pelajar Melayu di Mesir yang berjuang bagi membela penindasan terhadap rakyat Palestin. Pada tahun 1930, *Semangat Islam* pernah melaporkan pembentukan Suruhanjaya *Buraq al-Sharif* yang diwujudkan di bawah Liga Bangsa bagi mengelakkan perselisihan yang akan membawa kepada perang agama. Apabila wakil jawatankuasa tersebut tiba di Palestin, beberapa pertubuhan Islam turut memberikan pendapat bagi mempertahankan Kota Suci tersebut (*Semangat Islam*, Jil. 1, No. 11, 1930). Antara pertubuhan tersebut ialah *al-Jam'iyyah al-Khairiyah* yang diwakili oleh presidennya, Haji Abu Bakar Ashaari dan wakil persatuan iaitu Abdul Kahar Muzakkir yang tiba di Palestin pada tahun 1930 (*Semangat Islam*, Jil. 1, No. 11, 1930). Pada tahun 1931, Mufti Jerusalem iaitu Hajj Amin al-Husayni telah menganjurkan Persidangan Umum Islam di Palestin untuk menyatukan pandangan umat Islam bagi mempertahankan bumi Palestin (Mayer 1982, 311). Abdul Kahar Muzakkir kemudian telah dilantik sebagai Setiausaha bagi sebuah organisasi yang baru dibentuk iaitu *Muktamar Alam Islami* (Suminto 1985, 90).

Selain itu, antara tokoh politik Tanah Melayu yang pernah melawat Palestin dan terlibat dalam membela perjuangan rakyat Palestin ialah Dr. Burhanuddin al-Helmy (1911-1969). Beliau dilaporkan pernah melawat Palestin pada tahun

1930-an, selain pernah menjadi ahli pertubuhan sukarela yang membela nasib rakyat Palestin (Ramlah 2002, 124-153). Ketika berada di Palestin, beliau juga pernah menyertai demonstrasi menentang Perjanjian Balfour 1917 yang menjadi punca kepada penindasan rakyat Palestin (Ramlah Adam 1996, 11). Beliau hanya kembali ke Tanah Melayu pada tahun 1936, namun telah ditahan oleh British selama beberapa hari akibat penglibatan beliau dalam demonstrasi yang menyokong perjuangan rakyat Palestin. Beliau juga pernah menerbitkan sebuah majalah berjudul *Taman Bahagia* pada tahun 1939. Malah majalah tersebut pernah menerbitkan artikel tulisan beliau berkenaan perjuangan rakyat Palestin. Dalam artikel tersebut, beliau bukan sahaja melaungkan perasaan simpati terhadap nasib rakyat Palestin, tetapi juga menyeru umat Islam agar menentang pendudukan orang Yahudi di Palestin (Ramlah Adam 1993, 2). Akibatnya, British bertindak mengharamkan penerbitan majalah tersebut kerana disyaki boleh membangkitkan kemarahan orang Melayu terhadap penjajahan British di Tanah Melayu.

Selain itu, antara akhbar dan majalah lain yang giat memperjuangkan isu penindasan rakyat Palestin ialah majalah *Genuine Islam* (1936-1939) yang dimiliki oleh Sayyid Ibrahim bin Omar al-Sagoff (1899-1975), seorang usahawan dan diplomat keturunan Arab di Singapura. Keuntungan daripada penjualan majalah tersebut dipercayai digunakan bagi membiayai kegiatan *All Malaya Muslim Missionary Society* (Persatuan Dakwah Islam Se-Tanah Melayu) atau *al-Jam'iyyah* dalam kegiatan dakwah di Tanah Melayu. *Genuine Islam* banyak menerbitkan artikel berkenaan perbandingan antara pemikiran Islam dan Barat, selain memaparkan berita-berita berkenaan Islam dan umat Islam, termasuklah berita berkenaan penindasan terhadap rakyat Palestin (*The Straits Times*, 23 Januari 1936). Namun begitu, penerbitan majalah tersebut terhenti pada tahun 1939 setelah mengalami masalah kewangan.

PEMISAHAN PALESTIN 1947 DAN REAKSI ORANG MELAYU

Apabila British menyerahkan isu Palestin kepada PBB pada tahun 1947, diikuti tindakan PBB mencadangkan kaedah pemisahan Palestin kepada wilayah Arab Palestin dan Yahudi melalui Resolusi 181 pada akhir bulan November 1947, maka isu tersebut juga telah mengundang reaksi orang Melayu. Pada 19 Disember 1947, tiga tokoh Islam Singapura telah mengadakan perbincangan bagi mencadangkan langkah yang boleh dilaksanakan bagi membantah tindakan pemisahan Palestin antara bangsa Arab dan Yahudi, khususnya dari sudut agama. Perbincangan tersebut diadakan pada 20 Disember 1947, jam 2.30 petang di bangunan Persatuan Guru Melayu Singapura yang terletak di Palembang Road, Singapura (*Malaya Tribune*, 19 Disember 1947). Pada 21 Disember 1947, tiga orang pemimpin tersebut iaitu Sardon Jubir, Haji A. Mohd. Hussein, dan

Abu Hanifah Haris

Abdullah Yahaya dilaporkan telah mengadakan perbincangan lanjut berkenaan isu tersebut (*The Straits Times*, 21 Disember 1947).

Pada 25 Disember 1947, umat Islam Singapura dilaporkan mengadakan mesyuarat di Kampung Gelam, Singapura bagi membantah isu pemisahan Palestin. Mesyuarat tersebut ditaja oleh *Singapore Palestine Anti-Partition Committee* (Jawatankuasa Antipemisahan Palestin Singapura) yang telah dibentuk dalam mesyuarat anjuran pemimpin Melayu di pejabat Persatuan Guru Melayu Singapura yang terletak di Palembang Road, Singapura (*The Straits Times*, 25 Disember 1947). Abdullah Yahaya kemudian telah dilantik sebagai Pengurus Jawatankuasa Antipemisahan Palestin Singapura. Pelantikan jawatankuasa tersebut membolehkan usaha bagi memperjuangkan isu pemisahan Palestin di Singapura dapat diuruskan dengan lebih efektif.

Pada 27 Disember 1947, sekitar 500 umat Islam Singapura juga telah berhimpun bagi menyatakan bantahan terhadap rancangan pemisahan Palestin. Perhimpunan tersebut telah dianjurkan oleh Jawatankuasa Antipemisahan Palestin Singapura. Malah jawatankuasa tersebut juga telah mengeluarkan satu resolusi seperti berikut, “...in the name of 100,000 Muslims in Singapore it is unanimously resolved to express our horror at, and voice our protest against, the proposed partition of Palestine which is the holiest place of Islam after Mecca and Medina and against the violation of the sovereignty of the Arabs” (*Morning Tribune*, 27 Disember 1947).

Salinan resolusi tersebut juga telah dihantar kepada beberapa tokoh berikut:

1. Abdulrahman Azzam Pasha (Setiausaha Liga Arab).
2. Mohamed Ali Jinnah (Gabenor Jeneral Pakistan).
3. Ismet Inonu (Presiden Turki).
4. Raja Ibn Saud (Raja Arab Saudi).
5. Raja Farouk (Raja Afghanistan).
6. Shah Iran.
7. Jeneral Omar Pai Chung-Hai Tsang-Hsi (Menteri Pertahanan Nanking, China).
8. Dato' Onn Jaafar (Presiden UMNO).
9. Dr. Burhanuddin (Presiden Parti Kebangsaan Melayu Malaya, PKMM).
10. Dr. R. Oetoyo (Wakil Republik Indonesia).
11. Gabenor Singapura.
12. Gabenor Malayan Union.
13. Konsul Jeneral Amerika Syarikat di Singapura.

Resolusi yang dikeluarkan oleh jawatankuasa tersebut seterusnya diedarkan kepada ramai pemimpin di seluruh dunia menunjukkan bahawa orang Melayu ketika itu lantang membela penindasan rakyat Palestin dan giat memperjuangkan kebijakan rakyat Palestin yang ditindas oleh orang Yahudi ketika itu.

PERANG ARAB-ISRAEL 1948 DAN REAKSI ORANG MELAYU

Orang Melayu juga turut bersimpati dan menyokong perjuangan rakyat Palestin yang terlibat dalam Perang Arab-Israel 1948. Antara pertubuhan politik Melayu yang lantang memperjuangkan isu pemisahan Palestin dan isu penindasan rakyat Palestin ketika itu ialah Kesatuan Melayu Singapura. Pada 23 Januari 1948, Kesatuan Melayu Singapura dilaporkan bakal mengusulkan bantahan rasmi terhadap pendudukan Palestin oleh imigran Yahudi ketika berlangsungnya Perhimpunan Agung UMNO pada 25 hingga 26 Januari 1948 (*The Straits Times*, 23 Januari 1948). Hal ini menunjukkan bahawa pertubuhan politik Melayu juga mengambil berat terhadap isu penindasan rakyat Palestin yang sedang hangat diperkatakan di seluruh Dunia Islam ketika itu.

Selain itu, beberapa parti politik berhaluan kiri di Tanah Melayu turut memperjuangkan isu penindasan rakyat Palestin seperti Hizbul Muslimin, dan Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM). Persidangan Majlis Agama Tertinggi Se-Malaya (MATA) yang dianjurkan pada tahun 1948 di Maahad al-Ihya' al-Syarif, Gunung Semanggol, Perak akhirnya membawa kepada penubuhan Hizbul Muslimin iaitu parti politik Islam pertama di Tanah Melayu. Antara resolusi penting yang dipersetujui dalam persidangan tersebut ialah membantah rancangan pemisahan Palestin (Nabir Haji Abdullah 1976, 172). Hal ini jelas memperlihatkan semangat persaudaraan Islam yang tinggi telah ditunjukkan oleh MATA, Hizbul Muslimin dan PKMM terhadap isu penganiayaan orang Yahudi terhadap rakyat Palestin.

Tokoh lain yang giat memperjuangkan isu penindasan rakyat Palestin dalam Perang Arab-Israel ialah ialah Sayyid Ibrahim bin Omar al-Sagoff (1899-1975), seorang tokoh Islam keturunan Arab di Singapura. Pada bulan Februari 1948, Sayyid Ibrahim bin Omar al-Sagoff menjelaskan bahawa ribuan sukarelawan telah dihantar ke Palestin, dan segelintir sukarelawan pula telah dilatih di beberapa tempat sekitar Arab Saudi dan Mesir sebelum dihantar ke Palestin.⁴ Penglibatan aktif Sayyid Ibrahim al-Sagoff dalam membela penindasan rakyat Palestin menyebabkan beliau dipantau oleh agensi perisikan British.

Usaha orang Melayu bagi membela nasib rakyat Palestin tidak hanya melibatkan bantahan dan bantuan kewangan, malah melibatkan penerbitan buku yang dapat menyedarkan orang Melayu agar peka terhadap isu penindasan rakyat Palestin.

Abu Hanifah Haris

Antara penulis yang pernah menerbitkan buku yang membela perjuangan rakyat Palestin ialah seorang penulis keturunan Arab di Singapura iaitu A.H. Edrus atau nama penuhnya Syed Abdullah bin Hamid al-Edrus (1912-1969). Beliau telah menerbitkan jilid pertama sebuah buku berjudul *Perang Suci di Palestin*. Beliau dilaporkan bakal menghasilkan buku tersebut dalam empat jilid. Pada 21 Mei 1948, Mufti Jerusalem telah mengucapkan tahniah kepada A.H. Edrus kerana berjaya menghasilkan jilid pertama buku berjudul *Perang Suci di Palestin*, selain turut meminta Edrus agar menyedarkan umat Islam bahawa Perang Palestin adalah jihad.⁵ Mufti Jerusalem ketika itu merupakan Pengurus *Palestine Higher Commission* atau Suruhanjaya Tinggi Palestin (*The Singapore Free Press*, 21 Mei 1948). Buku *Perang Suci di Palestin* juga dilaporkan bukan sahaja laris dijual di Tanah Melayu ketika itu, malah turut mendapat sambutan di Indonesia (*Sunday Tribune*, 3 April 1949).

Selain mengemukakan bantahan, orang Melayu turut memberikan sumbangan dalam bentuk kewangan bagi mengurangkan beban yang ditanggungkan oleh rakyat Palestin. Malahan penduduk Tanah Melayu ketika itu juga muncul antara penyumbang utama kepada tabung kebajikan rakyat Palestin. Pada awal tahun 1949, dilaporkan sejumlah \$14,000 telah berjaya dikumpulkan oleh *Singapore Muslim Palestine Relief Committee* untuk disalurkan kepada pelarian rakyat Palestin. Selain itu, majalah *Qalam* (1950-1970) yang diterbitkan oleh Syed Abdullah bin Hamid al-Edrus di Singapura juga aktif menyiaran berita tentang Palestin. Pada tahun 1951, majalah *Qalam* pernah melaporkan penubuhan Jawatankuasa Pembantu Palestin di Johor Bahru dan Singapura bagi membela rakyat Palestin (*Qalam*, Bil. 9, April 1951). Semua ini jelas menunjukkan sikap ambil berat dan dermawan orang Melayu terhadap nasib rakyat Palestin yang ditindas ketika itu.

Sewaktu berlakunya krisis Terusan Suez pada tahun 1956 diikuti pencerobohan British, Perancis dan Israel ke atas Mesir untuk menguasai semula Terusan Suez, Presiden Mesir iaitu Gamal Abdel Nasser (1956-1970) telah membuat perancangan rapi untuk membantu perjuangan rakyat Palestin yang turut menerima tempias dalam konflik tersebut pasca-Perang Arab Israel 1948. Bagi merealisasikan hasrat tersebut, beliau telah menjemput pelajar Melayu di Mesir untuk menyertai barisan sukarelawan untuk melawan kuasa Barat bagi menaikkan semangat para pemuda Mesir agar menyertai angkatan tentera Mesir. Hasilnya sekumpulan pelajar Melayu yang juga anggota Persekutuan Melayu Mesir (PMM) terlibat dalam perbarisan kawat di sekitar Kaherah (Wan Mokhtar 2008, 26-27).⁶ Namun begitu, pelajar Melayu ketika itu hanya dibenarkan menyertai latihan penggunaan senjata perang dan perbarisan kawat sukarelawan sahaja, dan tidak pernah dihantar ke medan perang.

Selepas kemerdekaan Tanah Melayu pada tahun 1957, isu Palestin juga terus mendapat tempat dalam kalangan orang Melayu. Antara parti politik yang aktif memperjuangkan isu Palestin selepas merdeka ialah PAS. Beberapa pemimpin PAS seperti Yang Dipertua PAS, Dr. Burhanuddin al-Helmy (1956-1969) misalnya terus aktif memperjuangkan isu rakyat Palestin. Malah isu Palestin juga cukup dekat dengan beliau kerana beliau sudah memperjuangkan isu Palestin sejak akhir tahun 1930-an lagi. Seorang lagi pemimpin PAS yang giat memperjuangkan isu Palestin ialah Timbalan Yang Dipertua PAS, Zulkifli Muhammad yang pernah mendesak kerajaan agar menarik semula pengiktirafan terhadap negara Israel yang telah menindas rakyat Palestin (Abu Hanifah & Mohammad Redzuan 2013, 112). Beliau juga menyeru umat Islam agar terus menyokong perjuangan saudara seagama mereka di Palestin yang menjadi mangsa kerakusan bangsa Yahudi .

Selepas penubuhan Malaysia pada tahun 1963, kerajaan Malaysia juga terus konsisten menyokong perjuangan rakyat Palestin. Pada 25 April 1965, Tuanku Syed Putra ibni Al-Marhum Syed Hassan Jamalullail, Yang di-Pertuan Agong (1960-1965) ketika berucap dalam sebuah majlis makan malam anjuran Presiden Mesir, Gamal Abdel Nasser sewaktu melakukan lawatan ke Mesir menegaskan bahawa meskipun Malaysia sedang berhadapan dengan masalah Konfrontasi Malaysia-Indonesia ketika itu, namun Malaysia masih menyokong perjuangan rakyat Palestin bagi menentang Israel (*The Straits Times*, 25 April 1965). Hal ini jelas menggambarkan komitmen berterusan Malaysia terhadap perjuangan rakyat Palestin yang ditindas Israel meskipun Malaysia sendiri ketika itu sedang menghadapi konfrontasi serantau dengan negara jiran iaitu Indonesia.

PERANG ARAB-ISRAEL 1967 DAN REAKSI ORANG MELAYU

Peristiwa Perang Arab-Israel 1967 juga mengundang reaksi orang Melayu daripada pelbagai latar belakang. Permulaan kepada sokongan orang Melayu terhadap perjuangan rakyat Palestin menentang Israel bermula selepas Presiden Mesir, Gamal Abdel Nasser mengisyiharkan perang terhadap Israel. Pada 29 Mei 1967, terdapat laporan bahawa kerajaan Malaysia bersedia menyediakan khidmat pengangkutan kepada mana-mana sukarelawan yang mahu membantu Mesir dalam pertempuran tersebut. Malah Pejabat Konsul Jeneral Mesir di Singapura dipercayai pernah mengedarkan borang khas untuk tujuan tersebut (*Mideast Mirror*, Vol. 19, 17 Jun 1967).

Pada 2 Jun 1967, terdapat hampir 900 sukarelawan yang telah mendaftar di Kedutaan Mesir, Kuala Lumpur bagi mewakili negara-negara Arab menentang Israel. Antara mereka yang mendaftarkan diri termasuklah dua orang pelajar perempuan iaitu Fauziah binti Sani, dan Saleha binti Osman yang merupakan

Abu Hanifah Haris

pelajar Kolej Islam Malaya, Petaling Jaya (*The Straits Times*, 2 Jun 1967). Selain itu, terdapat 71 orang pelajar Kolej Islam Malaya turut mendaftarkan diri untuk menjadi sukarelawan di Kedutaan Mesir, Kuala Lumpur termasuklah seorang pelajar wanita iaitu Latifah binti Jailani. Mereka sanggup berjuang mewakili negara-negara Arab bagi menentang Israel disebabkan mereka berpendapat bahawa perjuangan orang Arab Palestin adalah satu perjuangan untuk menuntut hak serta menegakkan kebenaran dan keadilan (*Berita Harian*, 1 Jun 1967). Hal ini menggambarkan semangat dan keberanian yang ditunjukkan oleh golongan wanita yang sanggup berjuang bagi menentang kekejaman Israel.

Pada 4 Jun 1967, terdapat 40 orang lagi sukarelawan telah memberikan nama mereka sebagai sukarelawan kepada Kedutaan Mesir, Kuala Lumpur. Selain membawa sepanduk yang mengutuk Perdana Menteri British dan Presiden Amerika Syarikat, wakil perhimpunan tersebut iaitu H.M.S. Hussein juga telah menyerahkan memorandum sokongan rakyat Malaysia terhadap perjuangan negara Arab kepada Duta Mesir di Malaysia, Abd al-Munim Hasan Tawfiq (*The Malay Mail*, 4 Jun 1967). Pada 6 Jun 1967, jumlah sukarelawan yang telah berdaftar dengan Kedutaan Mesir, Kuala Lumpur berjumlah hampir 1,500 orang, iaitu peningkatan sebanyak 700 orang sejak dua hari sebelumnya (*Berita Harian*, 6 Jun 1967). Pada 7 Jun 1967, wakil Kedutaan Mesir, Kuala Lumpur memaklumkan bahawa jumlah sukarelawan yang telah mendaftarkan diri untuk mewakili negara Arab bagi menentang Israel meningkat kepada hampir 2,000 sukarelawan setakat ini (*The Straits Times*, 7 Jun 1967). Pada 8 Jun 1967, Kedutaan Mesir, Kuala Lumpur melaporkan bahawa terdapat 500 orang lagi sukarelawan yang telah mendaftarkan diri untuk mewakili negara Arab menentang Israel (*The Straits Times*, 8 Jun 1967).

Peristiwa Perang Arab-Israel 1967 juga mendorong golongan mahasiswa di universiti awam untuk menganjurkan forum berkenaan krisis tersebut. Pada 6 Jun 1967, salah seorang wakil Kedutaan Mesir di Kuala Lumpur iaitu Abdul Hamid Ahmad Sa'adallah melaporkan bahawa Persatuan Penuntut-Penuntut Universiti Malaya telah menjemput beliau untuk memberikan ceramah berkenaan krisis Arab-Israel yang sedang berlaku ketika itu (*Berita Harian*, 6 Jun 1967). Permintaan tersebut kemudian telah dipersetujui oleh Kedutaan Mesir, Kuala Lumpur dan seorang pegawai kanan kedutaan akan memberikan ceramah tersebut pada minggu berikutnya.

Persatuan pelajar universiti awam di Malaysia juga tidak ketinggalan dalam menyatakan sokongan mereka terhadap perjuangan negara Arab menentang Israel. Pada 8 Jun 1967, Persatuan Mahasiswa Islam Universiti Malaya (PMIUM) telah menyuarakan sokongan penuh mereka terhadap negara Arab yang menentang Israel dalam krisis tersebut. Menurut setiausaha iaitu Muhammad Jamil Mukmin, beberapa usul telah dicapai dalam mesyuarat yang telah diadakan

oleh PMIUM berkenaan krisis tersebut (*Berita Harian*, 8 Jun 1967). Antara usul yang telah dipersetujui dalam mesyuarat tersebut ialah PMIUM mengutuk keras tindakan Israel menceroboh negara Arab, mengutuk keras negara yang berdiri di belakang Israel khususnya Amerika Syarikat dan British, serta bersedia memberikan sokongan dan bantuan moral atau harta benda.

Persatuan Bekas Mahasiswa Timur Tengah (PBMTT) juga tidak ketinggalan dalam menyatakan sokongan terhadap isu Palestin. Pada 2 Jun 1967, PBMTT telah menghantar telegram kepada kerajaan Mesir untuk menyatakan sokongan terhadap tindakan Presiden Nasser yang mahu membebaskan Palestin dan menyokong hak bangsa Arab ke atas Palestin (*Berita Harian*, 2 Jun 1967). Pada 7 Jun 1967, ahli persatuan tersebut telah berhimpun di Kedutaan Mesir, Kuala Lumpur untuk menyatakan sokongan penuh terhadap negara Arab yang berjuang menentang Israel (*The Straits Times*, 7 Jun 1967). Presiden persatuan itu, Abdul Jalil Hassan yang juga Pengetua Kolej Islam, Petaling Jaya turut menyampaikan sumbangan cek bernilai \$200 kepada wakil Kedutaan Mesir, Anwar Farid Nasar al-Din.

Selain itu, parti politik pembangkang turut menyuarakan sokongan terhadap perjuangan rakyat Palestin termasuklah Parti Rakyat. Pada 2 Jun 1967, Parti Rakyat telah menyeru kerajaan Perikatan agar membantah pendirian kerajaan Amerika Syarikat dan British berhubung krisis Timur Tengah (*The Straits Times*, 2 Jun 1967). Pada 9 Jun 1967, dua buah parti pembangkang iaitu PAS dan Parti Rakyat telah melancarkan seruan agar memboikot barangisan Israel serta negara yang menyebelahi Israel (*The Straits Times*, 9 Jun 1967). Mereka juga menyeru orang Islam agar memberikan sokongan moral sama ada dengan mendaftarkan diri sebagai sukarelawan serta mengumpul dana untuk membeli pelbagai keperluan perubatan bagi kegunaan rakyat Palestin.

Peristiwa Perang Arab-Israel 1967 juga telah mendapat reaksi pemimpin kerajaan Malaysia. Pada 6 Jun 1967, Tunku Abdul Rahman yang baru pulang daripada lawatan kerja selama sepuluh hari di Jepun berharap agar kuasa-kuasa besar tidak mengganggu krisis yang sedang berlaku di Timur Tengah, dan berharap agar krisis tersebut hanya melibatkan negara-negara Arab dan Israel sahaja bagi mengelakkannya menjadi lebih parah (*The Straits Times*, 6 Jun 1967). Timbalan Perdana Menteri, Abdul Razak Hussein juga menyuarakan keimbangan Malaysia terhadap krisis tersebut kerana hubungan yang erat antara kedua-dua negara dalam bidang agama dan kebudayaan sudah wujud sejak beratus-ratus tahun lagi (*Mideast Mirror*, Vol. 19, 17 Jun 1967). Menteri Besar Perlis, Sheikh Ahmad bin Mohamed Hashim pula melihat kegagalan British mengembalikan semula Palestin yang telah dikuasai sebelum itu dan tindakannya memberikan kawasan tersebut kepada Israel sebagai punca kepada krisis tersebut (*The Malay Mail*, 5 Jun 1967).

Selain itu, UMNO juga turut menyatakan sokongan terhadap perjuangan rakyat Palestin. Pada 4 Jun 1967, UMNO Cawangan Utara Kedah mengeluarkan resolusi bagi mendesak kerajaan supaya memberikan sokongan penuh terhadap Mesir disebabkan keengganan kerajaan Malaysia menyatakan sokongan terbuka terhadap Mesir dalam perang tersebut (*The Malay Mail*, 4 Jun 1967). Pada 11 Jun 1967, Timbalan Setiausaha Agong UMNO telah menyeru ahli UMNO agar mencontohi kemenangan Israel yang berpunca daripada sikap mereka yang lebih bersatu-padu, meskipun jumlah penduduk mereka yang lebih kecil rentetan daripada kemenangan Israel dalam peperangan tersebut (*The Straits Times*, 11 Jun 1967). Pada 16 Jun 1967, Wan Abdul Kadir bin Ismail iaitu Ahli Parlimen UMNO mewakili Parlimen Kuala Terengganu Utara pernah menyeru pihak kerajaan agar memberikan sumbangan derma bagi menyelamatkan hampir 300,000 orang masyarakat Arab yang menjadi pelarian akibat Perang Arab-Israel (*The Straits Times*, 16 Jun 1967).

Salah seorang tokoh UMNO yang dekat dengan perjuangan rakyat Palestin ketika itu ialah Haji Sulaiman Ahmad berasal dari Pulau Pinang yang lebih terkenal dengan gelaran ‘Sulaiman Palestin’ kerana sering menyampaikan pidato yang bersemangat dan berapi-api berkaitan isu Palestin (Teik Goh 1971, 76). Beliau merupakan antara tokoh awal UMNO bersama-sama Tunku Abdul Rahman yang dilaporkan aktif menyampaikan pidato berkaitan Palestin sejak sebelum kemerdekaan Tanah Melayu lagi sehingga digelar sebagai ‘Sulaiman Palestin’ (*Berita Harian*, 12 Julai 1957). Menjelang kemerdekaan, beliau bersama-sama rombongan Tunku pernah berjumpa dengan Mufti Pulau Pinang, Sheikh Abdullah Fahim bagi membincangkan tarikh kemerdekaan yang sesuai berdasarkan ilmu falak (Mokhtar 1997, 40). Beliau juga pernah dilantik sebagai Timbalan Ketua Pemuda UMNO dan Speaker Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang. Pada tahun 1965, beliau telah dilantik sebagai Ketua Penerangan UMNO. Peluang menyampaikan ucapan sebagai jurucakap UMNO turut digunakan untuk memperjuangkan isu kebijakan umat Islam, termasuklah nasib rakyat Palestin.

Pada 4 September 1969, UMNO telah menganjurkan satu mesyuarat khas bagi mewujudkan satu jawatankuasa khas untuk menyalurkan bantuan kepada mangsa Perang Arab-Israel 1967. Antara yang dijemput menghadiri mesyuarat tersebut ialah Wan Abdul Kadir bin Ismail, lulusan Universiti al-Azhar berasal dari Terengganu yang kemudiannya mewakili UMNO, dan Abdul Jalil Hasan, lulusan Universiti al-Azhar yang ketika itu berkhidmat sebagai Pengetua Kolej Islam Malaya. Satu jawatankuasa juga telah dibentuk iaitu Jawatankuasa Pembantu Palestin, manakala Wan Abdul Kadir telah dilantik sebagai Penolong Setiausaha Agong jawatankuasa tersebut (SP 239, 4 September 1969).

Pada 17 September 1969, mesyuarat kedua Jawatankuasa Pembantu Palestin telah diadakan di Bilik Mesyuarat, Ibu Pejabat UMNO, Kuala Lumpur. Dalam

mesyuarat tersebut, beberapa keputusan telah dicapai termasuklah penganjuran Hari Palestin di Masjid Negara, Kuala Lumpur sempena solat Jumaat (SP 239, 17 September 1969). Pada 18 September 1969, Forum Palestin bakal disiarkan pada jam 10.00 malam di Televisyen Malaysia, dan 9.30 malam di Radio Malaysia. Tiga orang tokoh pula akan menjadi ahli panel forum iaitu Syed Jaafar Albar, Syed Nasir Ismail, dan Ibrahim bin Yassin, manakala Wan Abdul Kadir bin Ismail pula dilantik sebagai pengurus (SP 239, 17 September 1969). Pada 19 September 1969, Hari Palestin dimaklumkan bakal disambut serentak di seluruh Malaysia pada 20 September 1969. Majlis sambutan pula diadakan di 670 buah masjid di seluruh Semenanjung Malaysia, dan melibatkan penganjuran beberapa program termasuk ceramah khusus berkenaan peristiwa orang Yahudi membakar Masjid al-Aqsa (*The Straits Times*, 19 September 1969). Beberapa akhbar utama juga mengeluarkan edisi khas sempena Hari Palestin. Bagi tujuan publisiti, beberapa program telah diatur seperti menganjurkan forum di televisyen dan radio, meletakkan sepanduk di Lapangan Terbang Subang, Selangor, dan mempamerkan gambar Palestin di Masjid Negara.

Peranan Malaysia dalam memperjuangkan isu penindasan rakyat Palestin semakin terserlah apabila Tunku Abdul Rahman mencadangkan penubuhan sebuah sekretariat Islam yang diwakili oleh negara-negara majoriti umat Islam. Pada 13 Oktober 1970, Tunku yang baharu melepaskan jawatan sebagai perdana menteri mencadangkan pembentukan blok Muslim bagi menyaingi blok Barat dan blok Timur, seterusnya dapat mengekalkan keamanan dunia (*Singapore Herald*, 13 Oktober 1970). Pada 18 November 1970, Tunku juga menyeru negara Islam supaya mewujudkan Tabung Bantuan Pusat bagi membantu sesama negara Islam apabila ditimpa bencana (*Singapore Herald*, 18 November 1970). Kewujudan tabung tersebut dapat digunakan bagi membantu rakyat Palestin yang ditimpa kesusahan.

Pada 24 Disember 1970, Tunku Abdul Rahman berlepas ke Karachi, Pakisan bagi menghadiri Persidangan Menteri-Menteri Luar Islam yang berlangsung pada 26 hingga 28 Disember 1970 (*Singapore Herald*, 24 Disember 1970). Persidangan tersebut bakal dihadiri oleh perwakilan daripada 23 buah negara majoriti penduduk Islam dari seluruh dunia, termasuklah Malaysia. Pada 28 Disember 1970, Tunku akhirnya telah dipilih sebulat suara sebagai Setiausaha Agung Sekretariat Islam yang pertama sempena Persidangan Menteri-Menteri Luar Islam (*Singapore Herald*, 28 Disember 1970). Sekretariat Islam kemudian dikenali sebagai *Organisation of Islamic Cooperation* (OIC). Pelantikan Tunku sebagai Setiausaha Agung OIC yang pertama adalah hasil kesungguhan pemimpin dan rakyat Malaysia yang begitu prihatin dan komited dengan isu penindasan dan perjuangan rakyat Palestin sejak sebelum merdeka lagi, sekali gus merupakan kemuncak kepada sokongan dan bantuan orang Melayu dalam membela nasib rakyat Palestin.

KESIMPULAN

Berdasarkan perbincangan tersebut, jelaslah bahawa orang Melayu mula terdedah dan menyokong perjuangan rakyat Palestin yang ditindas imigran Yahudi sejak tahun 1930 lagi melalui penglibatan persatuan pelajar Melayu di Mesir iaitu *al-Jam'iyyah al-Khairiyah* dalam memberikan pendapat bagi menyelesaikan isu tersebut. Dr. Burhanuddin al-Helmy juga merupakan antara tokoh Melayu awal yang memperjuangkan isu Palestin sejak akhir tahun 1930-an lagi. Sokongan orang Melayu ketika itu tidak hanya terhad kepada sokongan moral melalui penerbitan akhbar, majalah dan buku yang mengangkat isu penindasan rakyat Palestin sahaja, tetapi juga melibatkan penubuhan jawatankuasa khas bagi menentang pemisahan Palestin. Manakala Kesatuan Melayu Singapura dan UMNO merupakan antara pertubuhan politik awal di Tanah Melayu yang menyokong perjuangan rakyat Palestin, termasuklah parti politik berhaluan kiri seperti Hizbul Muslimin dan PKMM.

Peristiwa Perang Arab-Israel 1967 juga merupakan antara kemuncak kepada perasaan simpati, keprihatinan dan komitmen orang Melayu terhadap perjuangan rakyat Palestin yang ditindas oleh Israel. Hal ini kerana ketika itu orang Melayu bukan hanya menunjukkan perasaan simpati dan sokongan terhadap rakyat Palestin, malah turut menyalurkan sumbangan kewangan. Lebih 2,500 orang Melayu juga telah mendaftar sebagai sukarelawan bagi menentang Israel. Malah lebih membanggakan, terdapat tiga orang pelajar perempuan Kolej Islam Malaya, Petaling Jaya turut mendaftar nama sebagai sukarelawan, iaitu satu tindakan yang cukup berani bagi golongan wanita ketika itu.

Kerajaan Malaysia juga terus konsisten menyokong perjuangan rakyat Palestin dengan mengajurkan Hari Palestin dan Jawatankuasa Pembantu Palestin. Malah Tunku Abdul Rahman juga telah dipilih sebulat suara sebagai Setiausaha Agung OIC yang pertama hasil kesungguhan pemimpin dan rakyat Malaysia yang begitu prihatin dan komited dengan isu penindasan dan perjuangan rakyat Palestin. Semua ini dapat menjelaskan mengapa sehingga kini isu perjuangan rakyat Palestin cukup dekat dengan hati orang Melayu kerana orang Melayu sudah mengambil berat tentang kebijakan saudara seagama mereka di Palestin sejak tahun 1930 lagi, biarkan kedudukan Palestin terletak jauh beribu batu dari Malaysia.

NOTA

1. *Aliyah* merupakan falsafah gerakan Yahudi iaitu Zionis bahawa semua bangsa Yahudi mempunyai hak untuk kembali ke Palestin. Lihat Pierpaoli Jr. (2008, 85).
2. Pelajar Melayu yang menjadi anggota *al-Jam'iyyah al-Khairiyyah* juga terlibat dalam pelbagai kegiatan sosial, antaranya ialah menubuhkan syarikat percetakan seperti Matbaah al-Marbawiyyah, menerbitkan majalah seperti *Seruan Azhar* (1927-1928) dan *Pilehan Timoer* (1928), serta menerbitkan pelbagai buku termasuklah kamus seperti *Kamus al-Marbawi*. Untuk keterangan lanjut, lihat Abu Hanifah (2014, 111-137) dan Abu Hanifah (2019, 32-34).
3. Majalah *Semangat Islam* telah diterbitkan pada 1 November 1929 di Pulau Pinang. Pengarang majalah ini ialah Abdul Latief al-Hamidi yang turut bertindak sebagai pengurus dan penerbit. Lihat *Semangat Islam*, Jil. 1, No. 1, 1 November 1929. Sirkulasi *Semangat Islam* pernah mencapai 1,000 naskhah sebulan, seterusnya meningkat kepada 1,700 naskhah setiap keluaran pada akhir tahun 1930. Lihat CO 276/115, *Straits Settlements Government Gazette*, 10 Januari 1930, 45; CO 277/82, *Straits Settlements Blue Book*, 1930, Sec. 18, 4.
4. Lihat laporan perisikan British berkenaan hal ini dalam *Malayan Security Service Political Intelligence Journal*, No. 3/1948, 15 Februari 1948, hlm. 73-74, dalam CO 537/3751, Malaya, Political Intelligence Journals. Lihat juga *Utusan Melayu*, 11 Februari 1948, hlm. 1.
5. A.H. Edrus juga telah menghasilkan beberapa buku lain seperti *Turki Hari Ini, Sejarah Perang Dunia Kedua dan Suara Melayu di Parlimen*. Lihat *The Straits Times*, 21 Mei 1948.
6. Sebelum penubuhan Persekutuan Melayu Mesir (PMM) pada tahun 1956, sudah terdapat beberapa pertubuhan pelajar Melayu di Mesir seperti *al-Jam'iyyah al-Khairiyyah* yang ditubuhkan pada tahun 1923, diikuti Persekutuan Putera-Putera Semenanjung (PPS) yang ditubuhkan pada tahun 1932. Lihat Muhammad Hafiz & Abu Hanifah (2015).

RUJUKAN

Sumber Primer

Berita Harian, 12 Julai 1957.

_____, 1 Jun 1967. Puteri-Puteri Kolej Islam Jelaskan: Mengapa Kami Sanggup Jadi Sukarelawati.

_____, 2 Jun 1967. Pelajar-Pelajar Sokong Nasser.

_____, 6 Jun 1967. 1,500 Sukarela Untuk Membantu Arab.

Abu Hanifah Haris

- _____, 8 Jun 1967. Siswa-Siswa Universiti Malaya Sokong Negara-Negara Arab.
- CAB 23/14/35, War Cabinet 42A, Draf Minutes of a Meeting, 3 Oktober 1918, hlm. 7-9. The National Archive, London.
- CAB 128/12/12, Cabinet 12 (48), Minit Mesyuarat No. 1, Arrival of United Nation Commission in Palestine, hlm. 8. The National Archive, London.
- CO 276/115, *Straits Settlements Government Gazette*, 10 Januari 1930. Arkib Negara Malaysia.
- CO 277/82, *Straits Settlements Blue Book*, 1930, Sec. 18. Arkib Negara Malaysia.
- CO 537/3751, Malaya, Political Intelligence Journals. The National Archive, London.
- FO 371/2768/167, Surat daripada Sharif Makkah kepada Sir Ronald Storrs, 14 Julai 1915. The National Archive, London.
- FO 395/139/42320, Surat daripada David Lloyd George kepada John Buchan, 1 Februari 1917. The National Archive, London.
- The Islamic Review*, Vol. 55, No. 9, September 1967. What We Lost as Arabs, We Shall Win as Muslims
- Kel. K. 839/1932, Petition from Haji Wan Musa Seeking Assistant of Government to Produce Passport for His Son, Now in Mecca Who Intends to Visit Palestine and Egypt. Arkib Negara Malaysia.
- LG/F/205/1/1, 10 Copies of the Text of the Sykes-Picot Agreement of May 1916. The National Archive, London.
- The Malay Mail*, 4 Jun 1967. Malaysians Volunteer to Fight for the UAR.
_____, 4 Jun 1967. UMNO Urges Full Backing for UAR.
_____, 5 Jun 1967. Britain Blamed for Middle East Crisis.
- Malaya Tribune*, 19 Disember 1947. Singapore Muslims to Discuss Partition.
- Mideast Mirror*, Vol. 19, 17 Jun 1967.
- Morning Tribune*, 27 Disember 1947. Palestine Partition Protest in Singapore.
- Qalam*, Bil. 9, April 1951.
- Semangat Islam*, Jil. 1, No. 2, 1 Disember 1929.
_____, Jil. 1, No. 11, 1930.
_____, Jil. 1, No. 12, 1930.
- Seruan Azhar*, Jil. 1, Bil. 2, November 1925.
- The Singapore Free Press*, 21 Mei 1948.
- Singapore Herald*, 21 Ogos 1970. Muslim Conference is off - Says Tunku.
_____, 1 September 1970. All Parties Regret Tunku's Decision to Go.
_____, 13 Oktober 1970. Muslim Bloc Can Bring About World Peace - Tunku.
_____, 18 November 1970. Tunku Hopes to Set up Relief Fund for Muslims.
_____, 24 Disember 1970. Tunku off to Attend Islamic Conference.
_____, 28 Disember 1970. All Eyes for the Tunku in His New Job.

SP 239, Jawatankuasa Bantuan Kepada Orang-Orang Arab Mangsa Perang di Timur Tengah, 4 September 1969. Senarai Ahli-ahli Yang Hadir di dalam Mesyuarat Penubuhan Jawatankuasa Pembantu Palestin. Arkib Negara Malaysia.

SP 239, Jawatankuasa Bantuan Kepada Orang-Orang Arab Mangsa Perang di Timur Tengah, 17 Setember 1969. Minit Mesyuarat, Jawatankuasa Kerja Kedua, Jawatankuasa Pembantu Palestin. Arkib Negara Malaysia.

SP 239, Jawatankuasa Bantuan Kepada Orang-Orang Arab Mangsa Perang di Timur Tengah. 19 Januari 1970. APC/001/16, Wan Abdul Kadir Ismail kepada Abdul Jalil. Arkib Negara Malaysia.

The Straits Times, 23 Januari 1936. Genuine Islam.

_____, 21 Disember 1947. Muslims Discuss Palestine Partition.

_____, 25 Disember 1947. Muslim Meeting.

_____, 23 Januari 1948. Malay Protest on Palestine?

_____, 21 Mei 1948. Mufti Commends Singapore Malay.

_____, 25 April 1965. King: We Support Palestine Arabs.

_____, 2 Jun 1967. Two Girls Register to Fight Against Israel.

_____, 6 Jun 1967. Tengku: I Hope Big Powers Stay Out.

_____, 7 Jun 1967. Cairo Grads Pledge Support for Arabs.

_____, 8 Jun 1967. Embassy: 500 Volunteer to Fight Israel.

_____, 9 Jun 1967. Parties Urge Boycott of Israeli Goods.

_____, 11 Jun 1967. Take the Israeli Example, UMNO Told.

_____, 16 Jun 1967. Land for the New Villagers a Vital Issue: MP.

_____, 19 September 1969. Tengku to Attend Summit at Rabat.

Sunday Tribune, 3 April 1949.

Utusan Melayu, 11 Februari 1948.

Sumber Sekunder

Abu Hanifah Haris. 2014. Kegiatan Pelajar Melayu di Kaherah Sebelum Tahun 1970. *Sejarah* 23(2): 111-137.

_____. 2019. *Pengaruh Mesir Terhadap Masyarakat Melayu, 1906-1970: Daripada al-Imam Sehingga Kebangkitan Semua Islam*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

_____. & Mohammad Redzuan Othman. 2013. Zulkifli Muhammad dan Perjuangan Politik Berteraskan Islam, 1955-1964. *Jurnal Usuluddin* 37:83-116.

Antonius, George. 1939. *The Arab Awakening: The Story of the Arab National Movement*. New York: J.B. Lippincott Company.

Cleveland, William L. & Bunton, Martin. 2008. *A History of the Modern Middle East*. Boulder, Colorado: Westview Press.

Gil, Moshe. 1992. *A History of Palestine, 634-1099*. Cambridge; Cambridge University Press.

- Goldschmidt Jr., Arthur & Davidson, Lawrence. 2009. *A Concise History of the Middle East*. Boulder, Colorado: Westview Press
- de Haas, Jacob. 1934. *History of Palestine: The Last Two Thousand Years*. New York: Macmillan Company.
- Hambali Abdul Latiff. 1985. *Perjuangan Politik Pemuda UMNO*. Kuala Lumpur: Sirawangi.
- Kramer, Gudrun. 2008. *A History of Palestine: From the Ottoman Conquest to the Founding of the State of Israel*. New Jersey: Princeton University Press.
- Lachman, Shai. 2005. Arab Rebellion and Terrorism in Palestine 1929–39: The Case of Sheikh Izz al-Din al-Qassam and His Movement. Dalam *Zionism and Arabism in Palestine and Israel*, eds. Elie Kedourie & Sylvia G. Haim. London: Frank Cass.
- Lassner, Jacob. 2017. *Medieval Jerusalem: Forging an Islamic City in Spaces Sacred to Christians and Jews*. Michigan: University of Michigan Press.
- Mayer, Thomas. 1982. Egypt and the General Islamic Conference of Jerusalem in 1931. *Middle Eastern Studies* 18(3): 311-322.
- Mokhtar Petah. 1997. *Sheikh Abdullah Fahim: Penentu Tarikh Kemerdekaan Negara 31 Ogos '57*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- Mohd Roslan Mohd Nor. 2017. *The Significance of Islamicjurusalem in Islam*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Muhamad Hasrul Zakariah. 2017. *British dan Perang Enam Hari 1967 Arab-Israel*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Muhammad Hafiz Samsudin & Abu Hanifah Haris. 2015. Penubuhan dan Perkembangan Persekutuan Melayu Mesir (PMM), 1956-1964. *Sejarah* 24(2), 51-73.
- Muhayat Haji Yusof. 1990. *PAS Kuala Selangor vs APU*. Kuala Selangor; Muhayat Haji Yusof.
- Muslih, Muhammad. 1989. *The Origins of Palestinian Nationalism*. New York: Columbia University Press.
- Nabir Haji Abdullah. 1976. *Maahad Il Ihya Assyariff Gunung Semanggol 1934-1959*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Noll, K.L. 2001. *Canaan and Israel in Antiquity: An Introduction*. New York: Sheffield Academics Press Ltd.
- Pappe, Ilan. 2006. *The Making of the Arab-Israeli Conflict, 1947-1951*. London: I.B. Tauris.
- _____. 2017. *Ten Myths About Israel*. London: Verso Books.
- Pierpaoli Jr., Paul G. 2008. Aliya, First. Dalam *The Encyclopaedia of the Arab-Israeli Conflict: A Political, Social, and Military History*, eds. Spencer C. Tucker et al. California: ABC-CLIO.
- Ramlah Adam. 1993. *Dr. Burhanuddin Al-Helmy: Kajian Mengenai Kegiatannya dalam PKMM, 1946-1948*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.

- _____. 1996. *Burhanuddin al-Helmy: Suatu Kemelut Politik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shukri Ahmad. 2001. Pendekatan Karya Ulama Tradisional di Kedah: Tumpuan Kepada Karya-Karya Jawi Tuan Guru Haji Abu Bakar Palestin, Hanafiah Taib Al-Qadhi (1908-1998M). *Jurnal Usuluddin* 13: 95-114.
- Suminto, H. Aqib. 1985. *Islam di Indonesia: Politik Hindia Belanda*. Singapura: Pustaka Nasional Ltd.
- Teik Goh, Charles. 1971. *The May Thirteenth Incident and Democracy in Malaysia*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Wan Mokhtar Ahmad. 2008. *Muzakkirah: Sebuah Autobiografi Suku Abad Menerajui Kerajaan Terengganu*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.